

BAHAGIAN B

[20 markah]

Jawab **semua** soalan

1. (a) Firman Allah SWT:

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ

(Surah al-Imran : Ayat 8)

Ayat di atas menjelaskan Allah SWT mengurniakan hidayah kepada sesiapa yang dikehendakinyaNya.

Tandakan [√] pada pernyataan yang betul mengenai inti sari ayat dan [X] pada pernyataan yang salah.

- i. Orang Islam perlu berdoa agar ditetapkan hati dalam hidayah. ☐
- ii. Allah SWT memberi jaminan orang Islam akan kekal dalam hidayah. ☐
- iii. Melalui hidayah seseorang itu terus kekal berada dalam keimanan. ☐
- iv. Orang Islam tidak perlu berusaha untuk mendapat hidayah Allah SWT kerana hidayah milik Allah SWT. ☐

[4 markah]

(b) Apakah yang anda lakukan agar ditetapkan hati dalam hidayah?

[2 markah]